

DATE: 24 / 02 / 2008

Pak Lah ingatkan rakyat patut buat pilihan bijak

BN punyai rekod perkhidmatan cemerlang sejak 50 tahun lalu

BH - 24/2/2008

PILIHAN RAYA UMUM KE-12



SEBERANG JAYA: Menjelang detik akhir penamaan calon hari ini, Perdana Menteri petang semalam, mengingatkan rakyat Malaysia terhadap pilihan yang menanti mereka pada hari pengundian dua minggu lagi: kerajaan yang memiliki pengalaman mentadbir selama separuh abad atau pakatan segera yang dibentuk pembangkang.

"Rakyat perlu memikirkan pilihan yang ada. Pada satu pihak, kita mempunyai Barisan Nasional (BN) yang memiliki rekod perkhidmatan cemerlang sejak 50 tahun lalu. Pada satu pihak lagi adalah pakatan politik segera (DAP, Pas dan PKR) yang dibentuk semata-mata untuk bertanding dalam pilihan raya," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada satu pertemuan semalam.

Beliau berkata, BN sudah teruji dengan pelbagai bentuk rintangan, baik cabaran yang timbul dalam negara mahu pun dari luar.

"Bagaimanapun, gagasan itu jualah yang kekal jitu sepanjang masa bersama dan sentiasa berada di landasan betul dalam memastikan pembangunan serta kemajuan negara," katanya.

Pakatan pembangkang, tegasnya, tidak lebih daripada kerjasama longgar di kalangan parti yang bergerak di haluan berbeza.

"Matlamat mereka hanya mahu menidakkan sokongan padu rakyat terhadap BN. Mereka tidak mempunyai apa-apa perancangan untuk rakyat dan mereka membentuk pakatan itu kerana perlu menghadapi pilihan raya sedangkan hakikatnya, mereka adalah tiga kumpulan berlainan dengan tiga kepercayaan politik berbeza.

"Mereka tidak memiliki kredibiliti. Ia hanyalah pakatan segera tanpa persefahaman dari segi keyakinan dan ideologi.

"Natijahnya, tiada pakatan atau kerjasama segera yang berkesan. Ia semudah itu."

Mengenai mesej BN kepada pengundi bagi pilihan raya kali ini, Abdullah berkata:

"Kita mencatat banyak kejayaan dari segi ekonomi, isu sosial, pendidikan dan pelbagai bidang lain da-

lam tempoh empat tahun kebelakangan ini. Ya, kita membuat pelbagai janji dalam Manifesto 2004 dan sebahagian besarnya sudah dikotakan.

"Ada yang sedang dilaksanakan, manakala sesetengahnya tidak dapat dilakukan dalam kadar segera kerana memerlukan pengesahan daripada segi perundangan.

"Kita akan dedahkan laporan kemajuan itu untuk dinilai rakyat. Semua ini akan dinyatakan dalam manifesto yang akan saya lancarkan selepas proses penamaan calon," katanya sambil menambah rakyat bebas menghakimi pencapaian terabit.

Abdullah turut ditanya berhubung bantahan segelintir ahli dan pemimpin Umno di beberapa negeri berhubung tindakan menggugurkan setengah penyandang kerusi.

Perdana Menteri berkata, ia adalah kelaziman dalam setiap pilihan raya, malah beliau sendiri selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang terpaksa mengetepikan beberapa calon di negeri itu.

Abdullah yang juga Pengerusi BN berkata, bantahan diterima di Terengganu dan Perlis, selain satu atau dua negeri lain yang tidak terlalu

besar bilangannya.

"Tidak banyak masalah berlaku di kebanyakan negeri," katanya.

Berdasarkan pengalamannya bersama Umno dan melihat reaksi mereka yang terpaksa memberi laluan kepada calon baru, Abdullah berkata: "Saya kira ia berlaku di semua negeri. Mereka yang perlu melepaskan kerusi berasa sukar untuk berbuat demikian. Penyokong tidak mahu mereka menyerah kalah. Ada yang menangis dan ada juga yang marah.

"Saya selalu tegaskan bahawa ketika mereka dipilih sebagai calon sebelum itu, ada orang lain yang kecewa, mengugut untuk tidak memberi sokongan, menurunkan bendera dan menutup bilik operasi.

"Bagaimanapun, kecintaan terhadap parti mengatasi segala-galanya dan mereka kembali menyokong parti pada pilihan raya," katanya.

Abdullah berkata, ada beberapa penyandang kerusi yang tenang apabila diberitahu akan digugurkan dan ada juga yang melenting.

"Secara umumnya, saya yakin hati mereka baik. Kemarahan akan reda dan mereka akan kembali memberikan kerjasama bagi memastikan kejayaan BN," katanya.